

**PENGGUNAAN ABBM BERBANTUKAN KOMPUTER BAGI SUBJEK  
PEMASARAN DI KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON**

**MASTURA BINTI MOHAMAD NOOR**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**OKTOBER, 2003**

*Buat kedua-dua insan yang disayangi dan dikasihii*

*Ayahanda, Mohamad Noor Bin Seedi, Khalijah Bt. Bulat diucapkan ribuan terima kasih di atas segala sokongan, bimbingan, perhatian dan kasih sayang yang dicurahkan selama ini*

*Buat ahli keluarga yang tersayang*

*Along, Fifi, Amirul, Achik dan keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan*

*Buat yang istimewa:*

*Sahabat tersayang Syam, Imm, Adik, sal, rakan serumah dan rakan-rakan yang lain, hubungan yang terjalin ini moga terus berkekalan serta tidak dilupakan juga tunang tersayang moga hubungan ini diberkati Allah.*

*Terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan*

*Moga kejayaan ini diberkati.*



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin memberikan sekalung penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana, En. Badaruddin B. Ibrahim di atas segala tunjuk ajar yang telah beliau berikan kepada pengkaji sepanjang tempoh penyeliaan beliau. Tidak dilupakan juga En. Ashari B. Sikor yang menjadi penyelia Projek Sarjana 1 segala nasihat dan bimbingan masih tersemat di hati. Berkat kesabaran dan ketekunan tidak dapat dinilai dan masa yang korbankan semata-mata untuk menyelesaikan kekusutan pengkaji amatlah dihargai.

Seterusnya pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pn. Norleza Bt. lehat, pensyarah mata pelajaran Pemasaran, Politeknik Port Dickson di atas komen dan cadangan yang beliau berikan semasa menyediakan ABBM pengajaran ini.

Kepada responden kajian, terima kasih kerana telah membantu pengkaji serta memberikan kerjasama yang sangat memberangsangkan untuk pengkaji melaksanakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan dan menilai Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) berbantuan komputer bagi subjek Pemasaran. ABBM ini dibangunkan dengan menggunakan perisian *Microsoft PowerPoint* dan dinilai dari segi menarik minat, persembahan dan kesesuaian. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar Diploma Pemasaran di Politeknik Port Dickson. Data dikumpulkan melalui kaedah soal selidik dan dianalisis berdasarkan kekerapan, peratusan dan skor min dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 11.0. Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap pembangunan ABBM berbantuan komputer di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat tinggi. Ini bermaksud ABBM ini sesuai digunakan di Politeknik Port Dickson di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



PTM AMINAH  
PERPUSTAKAAN TUNJATI AMINAH

## ABSTRACT

The purpose of this research is to develop and evaluate a Computer-Aided Teaching Aid (CATA) for Marketing subject. This teaching aid is produced by using Microsoft PowerPoint. Its effectiveness is evaluated from the perspectives of attractiveness, user interface and suitability. The sample of this research consists of 30 student pursuing for a Diploma in Marketing at Politeknik Port Dickson. The data was collected through questionnaires and analyzed based on frequency distribution, percentage and mean scores, using Statistical Package For Social Science (SPSS) version 11.0. The findings of this result showed high evaluation rate for the CATA produced. It means that CATA should be used at Politeknik Port Dickson to enhance the learning and teaching processes.



PT TIAU AMINAH  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJUNG

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PERAKUAN PELAJAR</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3

1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kerangka Teori	9
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Batasan Kajian	13
	1.9.1 Batasan yang terkawal	14
	1.9.2 Batasan yang tidak terkawal	14
1.10	Definisi Istilah	14

## BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	17
2.2	Proses Pengajaran	18
	2.2.1 Model Rekabentuk Kajian	18
2.3	Kajian Berkaitan	22
	2.3.1 Dapatan Kajian-kajian Lepas	22
2.4	Kepentingan Subjek Pemasaran di Politeknik	23
2.5	Tujuan P & P Berasaskan ABBM	25
2.6	Penggunaan <i>Powerpoint</i> dalam P & P	26
2.7	Kesimpulan	30



### **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	31
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	32
3.4	Instrumen Kajian	33
3.4.1	Soal Selidik	33
3.5	Kesahan dan Keboleh Percayaan	38
3.6	Pembolehubah Kajian	40
3.6.1	Pembolehubah Bersandar	39
3.6.2	Pembolehubah Tidak Bersandar	39
3.7	Prosedur kajian	40
3.8	Kaedah Analisis Data	41
3.9	Kesimpulan	43

### **BAB IV      REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK**

4.1	Pengenalan	45
4.2	Latar Belakang Produk	45
4.3	Rekabentuk Produk	47
4.3.1	Rekabentuk dan Ciri-Ciri Produk	47
4.4	Kronologi Pembinaan Produk	51
4.4.1	Kos Pembangunan Produk	54
4.4.2	Tempoh Masa	54
4.4.3	Kelebihan Dan Kekurangan Produk	55
4.4.3.1	Kelebihan Produk	55
4.4.3.2	Kekurangan Produk	57
4.5	Permasalahan Dalam Pembinaan	58
4.6	Penilaian Produk	59



4.6.1	Pemilihan Produk	59
4.7	Kesimpulan	59

## **BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	60
5.2	Analisis Latar Belakang Respondan	61
5.2.1	Jantina	61
5.3.2	Kelulusan Pendidikan	62
5.3.3	Kursus	63
5.3.4	Pengalaman Menjalani Proses P&P	63
5.3.5	Mengikuti Perkembangan P&P	64
5.3	Analisis Menarik Minat Pelajar	65
5.4	Analisis Ciri-ciri Persembahan	66
5.5	Analisis Penggunaan ABBM Sesuai Bagi Keperluan Subjek	67
5.6	Analisis Keseluruhan Skor Min	69
5.7	Kesimpulan	69

## **BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan	71
6.2	Perbincangan dan kesimpulan	72
6.2.1	Menarik Minat Pelajar	72
6.2.2	Ciri-ciri Persembahan ABBM	73
6.2.3	Sesuai Bagi Keperluan Subjek	74

6.3	Cadangan	74
6.3.1	Cadangan Penggunaan	75
6.3.2	Cadangan Pembaikan	75
6.3.3	Cadangan Kajian Seterusnya	76
6.4	Rumusan	77
6.5	Penutup	78

<b>RUJUKAN</b>	<b>79</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>83</b>
-----------------	-----------



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Item Soalan Bahagian A	34
3.2	Item Soalan Bahagian B	35
3.3	Item Soalan Bahagian C	37
3.4	Nilai Alpha Cronbach Bagi Kajian Rintis	39
3.5	Tafsiran Min	43
3.5	Tafsiran Min Terhadap Penggunaan slaid nota P&P	44
4.1	Jadual Gerak kerja	52
5.1	Pecahan Jantina Bagi Respondan	62
5.2	Pecahan pengalaman responden	63
5.3	Pecahan mengikut perkembangan ABBM	64
5.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Persoalan Kajian Pertama	66
5.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Persoalan Kajian Kedua	67
5.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Persoalan Kajian Ketiga	68
5.7	Skor Keseluruhan Kajian	69

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	9
3.1	Kerangka Operasi	38
4.1	Contoh Isi Kandungan	48
4.2	Pemilihan Slaid	48
4.3	Teks Kandungan	49
4.4	Mengemaskini Persembahan	50
4.5	Contoh Visual	51



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

## SENARAI SINGKATAN

PBK	Pengajaran Berbantuan Komputer
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
KUiTHHO	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
ABBM	Alat Bahan Bantu Mengajar
SB	Sangat Bersetuju
S	Setuju
KB	Kurang Bersetuju
TB	Tidak Bersetuju
STB	Sangat Tidak Bersetuju
SPSS	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
LCD	Liquid Crystal Display



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN UTHM TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	83
B	Keputusan Ujian Alpha Cronbach	89
C	Keputusan Skor Min	94
D	Surat Kebenaran Kajian	102
E	Surat Pengesahan ABBM	103
F	Silibus Pemasaran P1701	106



PTTAUTHIM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Perkembangan teknologi yang semakin pesat pada masa kini telah memberi ruang yang sama di dalam bidang pendidikan. Banyak institusi tempatan awam atau swasta yang turut sama berusaha menggunakan perkembangan teknologi ke dalam pendidikan yang semakin hari semakin menuntut kepada bidang yang lebih mencabar. Ini termasuklah penyediaan dari segi pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar yang benar-benar berketrampilan supaya dapat memenuhi sebarang perubahan persekitaran.

Salah satu daripada kemahiran yang perlu ada dalam diri seseorang tenaga pengajar ataupun pensyarah adalah kebolehan dan kemampuan dalam menggunakan komputer. Komputer dikatakan sebagai peralatan yang sangat penting dalam membantu pelajar sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu adalah menjadi hasrat kerajaan berdasarkan rangka Rancangan Kementerian Pendidikan bagi tempoh 1996, pembudayaan teknologi maklumat dijadikan sasaran utama kepada pelajar-pelajar semenjak di peringkat sekolah menengah lagi (Mazlan Hamzah, 2000). Pengaruh penggunaannya kini semakin

meluas di dalam pengajaran dan pembelajaran kerana keupayaannya dalam menyampaikan isi kandungan pembelajaran dengan lebih cekap dan menarik. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah, penggunaan teknologi komputer dalam bidang pendidikan telah diperkenalkan sejak awal tahun 60-an lagi (Tengku Zawawi, 2000).

Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer perlu dilakukan dalam usaha menjadikan pendidikan di Malaysia berkembang maju seiring dengan perkembangan teknologi. Ekoran itu, pensyarah berperanan sebagai agen perubahan yang bertanggungjawab terhadap penggunaan komputer di kalangan pelajar. Menurut Nik Aziz Nik Pa (1990), kemajuan yang begitu pesat dalam bidang teknologi satelit, telekomunikasi dan teknologi maklumat membolehkan seseorang individu menyampaikan, mengumpul, menyalur, menyebarkan, mengurus, memproses atau menyimpan pelbagai jenis maklumat dengan cepat dan mudah (Wan Hamiza, 2002).

Pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif di zaman moden kini semakin diperlukan kerana tahap pemikiran pelajar semakin tinggi dan kompleks. Mengikut teori Piaget (1952), perkembangan kognitif (pemikiran) manusia adalah disebabkan proses asimilasi dan akomodasi yang mana asimilasi berlaku apabila pengetahuan baru digabungkan dengan pengetahuan sedia ada (Mok Soon Sang, 1996). Sehubungan itu, pendekatan menggunakan komputer ini secara langsung akan membantu pelajar lebih memahami isi pelajaran yang disampaikan.

Pada masa kini terdapat pelbagai jenis perisian komputer yang boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Contoh perisian yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran iaitu:

- (i) Perisian *Microsoft Office* seperti *Microsoft Word*, *Microsoft PowerPoint*, *Microsoft Excell* dan *Microsoft Access*.



- (ii) Perisian Multimedia seperti *Macromedia Authoware*, *Macromedia Dreamweaver*, *Flash* dan sebagainya.
- (iii) Perisian yang menggunakan internet seperti pembinaan laman web supaya pelajar dapat maklumat terkini dan tugas melalui laman web pendidikan yang diberi.

Setiap perisian-perisian ini mempunyai fungsi yang berbeza-beza. Perisian yang biasa didedahkan kepada pelajar adalah *Microsoft Office* kerana selalunya ia terdapat dalam program komputer berbanding dengan perisian lain yang perlu dimasukkan dahulu ke dalam komputer. Di dalam kajian ini pengkaji memilih program *Microsoft PowerPoint* sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar ataupun ABBM bagi subjek Pemasaran kerana penggunaannya masih belum didedahkan secara meluas di Politeknik.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Penggunaan ABBM sebagai alat pengajaran dan pembelajaran sudah tidak asing lagi dalam dunia pendidikan masa kini. Malahan ia sudah menjadi salah satu medium utama di dalam mencapai objektif pengajaran. Pensyarah sepatutnya menyediakan dan menggunakan berbagai ABBM dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (Juriah, 1998). Pensyarah perlulah sentiasa berusaha dalam meningkatkan amalan pengajaran sesuai dengan persekitaran supaya ia dapat mewujudkan suasana yang baru kepada pelajar dan secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian pelajar di dalam pelajaran.

Kajian ini adalah untuk memastikan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah berjaya mencapai objektif pengajaran sekaligus ia

akan membantu ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara. Sejalan dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu "...melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan..."(Sufean Hussin,1993).

Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) yang semakin mendapat perhatian adalah Pengajaran Berbantuan Komputer (PBK). Komputer didapati sesuai untuk dijadikan alat bagi membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana komputer berkemampuan untuk menerima dan memproses data. Giesert dan Futrell (1990) menegaskan bahawa seseorang pensyarah yang menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran boleh dikategorikan sebagai mempunyai bakat dan kebolehan tambahan. Sehubungan itu adalah amat penting bagi seseorang pensyarah dalam mengembangkan bakat pengajaran dengan menggunakan alat sokongan yang dapat membantu meningkatkan lagi kemahirannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Ini adalah kerana penggunaan komputer dalam proses pembelajaran menunjukkan korelasi yang positif dalam peningkatan pencapaian para pelajar (Underwood, 1998). Oleh itu, komputer adalah pelengkap kepada penyampaian pengajaran yang berkesan kerana keupayaannya dalam menyampaikan melalui pelbagai bentuk yang mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang memberangsangkan. Crook (1998) juga menyokong pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa integrasi yang positif antara pendidikan dan komputer secara tidak langsung telah mengiktiraf kepentingan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tidak dinafikan bahawa ABBM sudah menjadi sebahagian daripada komponen utama dalam dunia pendidikan masa kini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini dapat dilihat melalui pelbagai bentuk ABBM yang dikeluarkan sama ada dalam bentuk bahan bercetak, pakej persembahan grafik (*PowerPoint*), *word processing*, *work sheet*, sistem SPSS dan sebagainya.

ABBM ini adalah untuk membantu pensyarah dalam memantapkan lagi kaedah pengajaran yang disampaikan agar pembelajaran menjadi lebih mudah

difahami dan sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini. Bagaimanapun masih terdapat sebahagian pihak yang memberi tanggapan yang negatif bahawa ABBM berbantuan komputer akan mengambil alih peranan guru sebagai pengajar kerana komputer berupaya membekalkan ilmu yang lebih meluas dan ini akan mencabar profesion dan keupayaan guru (Ajibero, 1995). Mereka beranggapan komputer sebagai satu ancaman kepada pekerjaan, kewibawaan atau peranan tradisional mereka. Sikap ini perlu dikikis dalam diri setiap pendidik sama ada guru atau pensyarah kerana mereka perlu memahami bahawa senario pendidikan dahulu dengan sekarang adalah berbeza.

Pada era sekitar 1960-an dan 70-an para pendidik belum lagi didedahkan dengan penggunaan komputer. Kurangnya pendedahan ini menyebabkan golongan ini tidak yakin dan menolak terhadap penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Wan Hamiza, 2002). Namun pada ketika ini sikap sedemikian berlaku kerana pendedahan mengenai komputer masih belum berlaku secara meluas berbanding dengan keadaan masa kini yang menjadikan komputer sebagai satu keperluan tidak kira dalam apa jua bidang. Mereka yang jahil atau tidak mempunyai pengetahuan langsung terhadap komputer, boleh dianggap sebagai penghalang kemajuan sesebuah negara yang kemajuannya berasaskan teknologi maklumat (Ridzuan Badri, 2000). Di sini setiap pensyarah harus mempunyai keinginan dan pengetahuan yang secukupnya dalam memastikan bahawa melalui penggunaan tersebut pensyarah akan dapat meluaskan lagi kaedah pengajaran dalam pelbagai bentuk selari dengan tuntutan masa kini.

Sehubungan itu, pensyarah perlulah bersiap sedia dengan menambah bahan bacaan dan kemahiran mengenai amalan pengajaran dalam skop yang lebih luas. Dengan ini, ia dapat membantu pensyarah melaksanakan aktiviti dalam kelas kerana ruang masa dapat diijmatkan melalui penggunaan PBK ini. Oleh itu, penghasilan ABBM ini dijadikan sebagai bahan kajian untuk melihat sejauhmana kegunaannya dapat membantu di dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar menjadi lebih efektif dan menarik sama ada kepada pensyarah atau pelajar itu sendiri.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Alat pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk PBK telah mula mendapat perhatian di kalangan pensyarah. Politeknik juga kini dalam proses untuk meningkatkan mutu pengajaran dengan melengkapkan kemudahan komputer dikalangan pensyarah di mana Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan kewangan bagi tujuan tersebut. Ia dilakukan kerana merasakan melalui penggunaannya dapat meningkatkan penguasaan pelajar di dalam sesuatu matapelajaran dengan lebih berkesan dan efektif.

Hess (1987) mendapati kebanyakan subjek yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, pemasaran dan pengeluaran untuk kejayaan perniagaan di dapati kurang diberi penekanan oleh para pendidik (Zaidatul, 1999). Perkara ini berlaku kerana subjek yang berkaitan dengan pengurusan lebih kepada berbentuk teori berbanding dengan subjek dalam bidang teknikal yang melibatkan kemahiran secara langsung di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Ekoran itu, penggunaan pengajaran secara konvensional lebih banyak digunakan tanpa memikirkan alat sokongan lain yang dapat membantu memudahkan kefahaman pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Melalui pemerhatian pengkaji, senario ini juga turut berlaku di Politeknik-Politeknik Malaysia yang mana penggunaan ABBM masih kurang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya ABBM berbantuan komputer. Seseorang pensyarah perlulah menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kursus yang ingin disampaikan dan mengukur sejauhmana persediaan pelajar dalam menerima penggunaan ABBM yang semakin mendapat perhatian di dalam pendidikan (Norsaidatul, 1999).

Sehubungan itu pengkaji ingin memperkenalkan penggunaan ABBM ini di kalangan pensyarah dan pelajar-pelajar politeknik dalam bentuk *PowerPoint*. Ini kerana ABBM melalui penggunaan *PowerPoint* mampu menarik perhatian pelajar

sama ada dari segi persembahan grafiknya, pemilihan warna yang pelbagai, kandungan isi yang jelas dan lengkap, bahasa yang mudah difahami dan mudah untuk digunakan oleh pensyarah (Razali Noor, 1996).

Menerusi penghasilan ABBM ini, pelajar-pelajar akan dapat mengetahui teori-teori dan konsep-konsep yang berkaitan dengan subjek tersebut dengan lebih menarik dan tidak membosankan kerana persembahan grafik dan visual yang sesuai dapat dipaparkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pengajaran berbantuan komputer dapat dijadikan sebagai salah satu bahan bantu pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu matapelajaran. Terutamanya dalam subjek pemasaran yang perlu mengaitkan penerangan beserta contoh-contoh semasa dan visual supaya pelajar dapat lebih memahami apa yang ingin disampaikan. Ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai individu yang memahami bidang perniagaan dan pemasaran ini secara lebih praktik sebagai persiapan menceburkan diri dalam dunia pekerjaan kelak (Zaidatol,1993).

Melalui pengalaman pengkaji semasa menjalani latihan mengajar di Politeknik Port Dickson, terdapat kekurangan dari segi penggunaan ABBM berbantuan komputer bagi subjek Pemasaran. Oleh itu, pengkaji membangunkan serta menilai sejauhmana penggunaan slaid nota P&P bagi subjek Pemasaran dapat membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Slaid nota P&P ini dibangunkan dengan menggunakan *Microsoft PowerPoint* sebagai ABBM bagi kajian ini.



#### 1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji ingin menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- (i) Sejauh manakah isi kandungan slaid nota P&P berkemampuan untuk menarik minat pelajar semasa di bilik darjah?
- (ii) Sejauh manakah penggunaan slaid nota P&P ini memenuhi ciri-ciri persembahan yang baik?
- (iii) Sejauh manakah slaid nota P&P yang dihasilkan ini sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek pemasaran?


#### 1.5 Objektif Kajian

Penghasilan ABBM dalam bentuk slaid nota P&P ini adalah untuk memenuhi objektif kajian seperti berikut:

- (i) Penggunaan slaid nota P&P ini dapat menarik minat pelajar melalui penyusunan isi kandungan semasa di bilik darjah.
- (ii) Penggunaan slaid nota P&P ini dapat membantu memberi ciri-ciri persembahan yang baik kepada pelajar oleh pensyarah.
- (iii) Penggunaan slaid nota P&P ini sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek pemasaran.

## 1.6 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauhmana penggunaan ABBM dapat membantu pensyarah dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teori daripada J.A. Philips,(1997) sebagai kerangka teori kajian seperti Rajah 1.1.



(sumber: J.A. Philips, 1997)

**Rajah 1.1 : Kerangka Teori**

Kerangka teori yang digunakan adalah Teori Perkembangan Daya Intelek ataupun dikenali sebagai P.D.I. Di dalam rajah 1.1 menunjukkan terdapat tiga dimensi yang perlu diberi perhatian umum. Teori Perkembangan Daya Intelek ini

telah dikemukakan oleh John Arul Philips (1997). Dimensi I ialah Kandungan, iaitu matapelajaran sekolah. Dimensi II ialah Pensyarah, iaitu kemahiran yang perlu ada oleh seorang pensyarah. Dimensi III ialah Pelajar, iaitu kemahiran dan sikap yang ingin diperkembangkan. Berikut adalah huraian mengenai dimensi-dimensi tersebut:

**(i) Dimensi I: Kandungan**

Kemahiran berfikir yang ingin diperkembangkan di kalangan pelajar tidak boleh dilakukan tanpa pengetahuan. Cara yang paling berkesan mengajar kemahiran berfikir ialah dalam bidang pengetahuan tertentu misalnya subjek pemasaran banyak menekan kepada teori. Bidang pengetahuan ini boleh diperolehi melalui buku rujukan, majalah, akhbar, perisian komputer, penyampaian oleh pensyarah dan sebagainya.

Bagi tujuan kajian ini memfokuskan keupayaan ABBM di dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan komputer supaya suasana pembelajaran menjadi lebih efektif dan menarik kepada pelajar. ABBM ini dibina dengan menggunakan *Microsoft PowerPoint* dengan ciri-ciri persembahan visual dan grafik yang menarik, gambar-gambar dan tulisan yang berwarna-warni mampu menarik perhatian pelajar ketika proses pengajaran pembelajaran bagi kandungan matapelajaran pemasaran dapat diperkembangkan dengan lebih berkesan. Kajian menunjukkan bahawa motivasi belajar dapat dipertingkatkan apabila pelajar dapat melihat bagaimana penggunaan sesuatu kemahiran dapat menambahkan penguasaan kandungan bagi sesuatu matapelajaran.

**(ii) Dimensi II: Pelajar**

Dimensi ini menyentuh apakah yang ingin diperkembangkan di kalangan pelajar. Sejauhmana pelajar dapat memahirkan dan memahami bagi sesuatu kemahiran tersebut tertakluk kepada keberkesanan ciri-ciri



## RUJUKAN

Abdul Razak Mohd Zain, Othman Karim, Ab Zayin Abdullah dan Raudzah Othman (1999). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri Dalam Menyelesaikan Masalah Pengiraan Imbangan arus, Voltan dan Rintasan: Sains KBSM Tingkatan 3." *Jurnal Kajian Tindakan*. Jilid 2 November. Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat.

Ajibero (1995). "Sikap Terhadap Komputer Di Kalangan Guru-guru Pelatih Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim." Universiti Teknologi Malaysia Sarawak: Tesis Sarjana.

Bill Bruck (2000). "Microsoft 2000." United States of America: Prentice Hall International Edition.

Capron, L.H. (1996). "Computers Tools For An Information Age". California: The Benjamin /Cummings Publishing Co. Inc.

Crook . 1998. "Computer In The Community of Classroom." Learning With Computers Analyzing Productive Interaction: New York: Routledge

Ee Ah Meng. (1993). "Pedagogi Satu Pengenalan." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Futrell, M.K. ant Geisert , P.G. (1990). "The Well-Trained Computer: Designing Systematic Instructional Materials For The Classroom Micromputer." New York: Educational Technology Publishing.

Glaser.R. (1984). "Education and Thinking: the role of Knowledge." American Psychologist, 39 (2),93-104

John Arul Philips (1997). "Pengajaran Kemahiran Berfikir". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Juliana Mohd Ariffin (2001). "Penggunaan Internet Dan Multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dikalangan Pensyarah." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Juriah Long (1998). "Inovasi dalam Perkaedah Pengajaran". Bangi:Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mazlan Hamzah (2000). "Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru-guru Kanan Sekolah-sekolah Menengah Johor Bahru." Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Sarjana.

Mohd Faudzi Abd Hamid (1989). "Kaedah Pembelajaran Dengan Menggunakan Modul". Wawasan. Januari hlmn 11-19.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial." Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (1996). "Pendidikan Di Malaysia." Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mohd. Sidin Ahmad Ishak (1993). "Asas Periklanan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Yusof Jamar (1986). "Nota Panduan Pemasaran 1". Ipoh: Politeknik Ungku Omar.

Muhamad Hassan Abdul Rahman (2000). "Media Pengajaran". Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Noor Haznida Bakar, Nor Lian Mohd Nordin dan Siti Zawiyah Husain (2001). "Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar Di Sekolah Menengah Batu Pahat". Kolej Universiti Teknologi Tun Husein Onn: Tesis Sarjana

Norsaidatul Akmar. (1999). "Multimedia Super Corridor : A Journey To Excellence in Institution of Higher Learning". London: Academic Press.

Philip Kotler (1994). "Marketing Management". United States of America: Prentice Hall International Editions.

Ridzuan Badri (2000). "Menguasai IT Dari Peringkat Sekolah." Berita Harian: 5 Januari 2000.

Sufean. (1991). "Upaya Pembaharuan Dalam Pendidikan dan Pengajaran". Bandung : Ramadya karya.

Tengku Zawawi Tengku Zainal (2000). "Peranan Komputer Dalam Pendidikan Matematik." Retrieved 10 Januari 2001 On The World Wide Web: <http://members.tripod.com/~MUJAHID/komputer 1.html>.

Underwood, J. and Underwood, G. (1998). "Task Effects On Co-operative and Collaborative Learning With Computers:Analysing Proctive Interaction". New York: Routledge.

Yahya Emat (1993). "Cabaran dan Strategi Pendidikan Teknik dan Vokasional Ke arah Mencapai Wawasan 2020." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*.1-8.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993). "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional: Satu Jaminan Kerjaya." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*, ms 1-4.

Yusup Hashim (1997). "Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Wan Hamiza Wan Hassan (2002). "Tahap Kefahaman dan Kebolehan Penggunaan Perisian Microsoft Word Dalam Pembelajaran di Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional KUITTHO, m.s. 3-8.

Wright, E.B dan Forcier, R.C. (1985). "*The Computer: A Tool For The Teacher*". California: Wadsworth Publishing Company.